

PUSAT Air Terjun Sub Stesen Mahua Taman Banjaran Crocker



KELIHATAN Ai Kinoshita (kiri) dari JOCV yang merupakan sukarelawan di Taman Taman Sabah dan Kubo Sino (kanan) dari JICA (sebuah agensi dari Jepun yang menaja banyak program di seluruh dunia).

OLEH ROZIE JUMAT NST 28.3.2012 10 (rozie@newsabahtimes.com.my)

Peserta REEP timba pengalaman baru di Taman Banjaran Crocker

TAMBUNAN: Cuti persekolahan yang lalu telah memberi pengalaman baru dan manfaat kepada kebanyakan para peserta *River Environment Education Program* (REEP) yang dijalankan selama tiga hari di Taman Banjaran Crocker Mahua disini.

Seramai 30 peserta termasuk 18 pelajar sekolah rendah dari enam buah sekolah, guru dan peserta komuniti mewakili kampung di sekitar telah berpeluang menyertai satu program pendidikan mengenai sumber sungai yang dianjurkan secara bersepadu oleh agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan khususnya dari negara Jepun dan para sukarelawan yang bersungguh-sungguh memberi pengetahuan mengenai kepentingan sungai dalam kehidupan seharian untuk kelangsungan alam.

Pengurus Taman Taman Sabah (Bahagian Komuniti), Bonnie Antui dari Program REEP Ke-3 berkata program itu dianjurkan bertujuan untuk memberikan pendedahan secara *hand on experience* kepada para pelajar, guru dan komuniti tentang kaedah-kaedah pemantauan kualiti air sungai.

Melalui program itu juga para peserta didedahkan dengan proses-proses yang terlibat dalam kitaran air, mekanisma pemprosesan air dan punca-punca pencemaran kepada air.

"Program ini juga mendedahkan peranan Taman Banjaran Crocker sebagai satu kawasan pusat tadahan air yang penting," kata Bonnie.

Taman Taman Sabah merupakan penganjur bersama dalam program tersebut yang melibatkan Pusat Biodiversity Sabah, *Japanese International Cooperation Agency* (JICA), Pusat Tindakan Alam Sekitar Sabah (EAC), *World Wide Foundation* (WWF), *Japanese Overseas Cooperation Volunteer* (JOCV), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jabatan Saliran dan Pengairan (JPS), Jabatan Air dan Pejabat Daerah Tambunan

Sepanjang program itu, para peserta dibawa melawat pemantauan kualiti air di beberapa kawasan sungai di Tambunan seperti Sungai Mahua dan Massangoh, lawatan ke loji penapisan air dan melawat Jabatan Pengairan dan Saliran Tambunan. Para peserta juga didedahkan dengan pengetahuan mengenai alam sekitar dan penyakit bawaan air yang memudaratkan kepada kesihatan manusia.

Luke Perry, 12 tahun dari SK Garas memberitahu beliau telah mempelajari kaedah memantau kualiti air melalui program yang disertainya selama tiga hari.

"Seronok, kerana kami diajar bagaimana untuk menguji air sungai yang bersih dan tercemar, kami juga dibawa ke pusat tadahan air dan loji rawatan air, kami diberitahu tentang menjimatkan air dan menjaga kebersihan sungai," ujar Luke, yang bercita-cita untuk menjadi polis apabila dewasa kelak.

Pengalaman berharga itu akan dikongsikan bersama kepada rakan-rakannya yang tidak berpeluang menyertai program semasa cuti itu dan memberitahu mereka untuk menjaga kebersihan sungai.

Katanya, dia dan rakan-rakannya suka mandi di sungai kerana sungai mereka



KAJIAN ... Luke Perry menunjukkan bahan mengkaji suhu adalah bersih dan jernih.

Sepanjang lawatan sempena program itu, para peserta didedahkan betapa pentingnya penjagaan hutan untuk masa depan sumber air.

Pendidikan mengenai sumber sungai sememangnya sangat berharga buat penduduk di kawasan hulu dimana persekitaran mereka dilimpahi dengan kekayaan sumber air. Namun disebaliknya masih kurang kesedaran di kalangan penduduk yang dengan sewenangnyanya merosakkan alam sekitar dengan penebangan pokok-pokok kayu yang merupakan nadi kepada air yang mengalir ke sungai.

Bagi adik Melvina Melvi Lazarus, 11 tahun dari SK Patau, berkata dia suka dengan program itu, ini kerana bukan sahaja dapat berkenalan dengan kawan-kawan dari sekolah lain, tetapi membentuk kumpulan untuk bekerjasama.

"Kami dibawa masuk ke Taman Sabah sehingga ke Pusat Air Terjun Mahua, kami diberi penerangan tentang pokok serta tumbuhan yang ada disekitar kami. Kami juga diberitahu bahawa pokok ada bunyi air jika kita peluk dan mendengarnya dengan menepuk telinga ke batang pokok," kata Melvina.

Seperti peserta program yang lain, Melvina menyertai program itu dengan penuh minat dan aktif.


"Saya bercita-cita mahu terlibat dengan pendidikan alam sekitar suatu hari nanti," katanya.

Dalam program itu juga disertai dengan tayangan visual yang dibuat oleh para penceramah. Peserta yang kebanyakannya tinggal di kawasan tanah tinggi yang kaya dengan sumber air terkejut melihat sampah sarap yang berlaku di kawasan bandar dan sungai-sungai di kawasan lain berbeza dengan apa yang mereka lihat di persekitaran mereka.

Taman Banjaran Crocker, sebuah kawasan perlindungan yang digazet bagi sumber utama keperluan air kepada 200,000 perkampungan di kawasan pedalaman dan pantai barat.



CITA-CITA ...Melvina mahu jadi seorang pakar alam sekitar satu hari nanti



KELIHATAN beberapa peserta REEP melakukan aktiviti berkumpulan dalam program berkenaan.